

'KITA TIDAK BOLEH MENGALAH'



Short story by Nureen Zulfa



Alya dan Arif ialah sahabat baik . Mereka suka meneroka, membantu orang, dan menghadapi cabaran bersama-sama.



Mereka mahu mencipta projek sekolah istimewa, tetapi tiada idea hebat. Alya mula rasa ragu, Arif pula tidak yakin.



Semasa mereka berjalan, Alya ternampak sebuah taman sekolah yang kotor dan tidak terjaga. Tiba-tiba idea muncul! Mereka mahu mencipta taman ilmu yang cantik dan bermanfaat.



Mereka membersihkan kawasan, menanam bunga, membuat papan tanda dan hiasan tanaman. Kerjasama dan semangat mereka mengubah kawasan kosong men jadi taman indah.



Tibalah di hari pembentangan projek. Alya dan Arif berkongsi perjalanan mereka, cabaran yang dihadapi, dan bagaimana mereka bekerjasama mencipta perubahan.



Sebelum pertandingan, hujan lebat merusakkan sebahagian taman mereka. Alya sedih, tetapi Arif mengingatkan 'Kita tidak boleh mengalah!'



Mereka bergandeng bahu memperbaiki semula taman. Dengan usaha, kerja keras, dan semangat tidak mudah mengalah, taman mereka menjadi lebih cantik.



Pengumuman dibuat. Alya dan Arif menangii pertandingan! Usaha, kerjasama dan kebaikan hati mereka membuahkan hasil.



Taman ilmu menjadi tempat kegemaran semua. Mereka belajar, berehat, dan bermain sambil menghargai alam dan kebaikan bersama.



**Pengajaran: Setiap
cabaran ada jalan
penyelesaian. Dengan
kepedulian, kerjasama, dan
kebaikan hati, kita boleh
mencipta dunia yang lebih
baik bersama-sama.**